

ABSTRAK

Kajian yang dilakukan ini adalah satu bentuk kajian perbandingan di antara undang-undang Islam dan undang-undang kontrak Malaysia (berdasarkan akta kontrak Malaysia) mengenai persoalan penawaran dan penerimaan di dalam pembentukan kontrak.

Kajian ini meliputi empat fasal. Fasal yang pertama akan membincangkan persoalan kontrak secara umum. Ianya meliputi perbincangan mengenai kedudukan kontrak di bawah undang-undang Islam dan undang-undang kontrak Malaysia, definisi kontrak dan keperluan-keperluan asas bagi pembentukan kontrak.

Fasal yang kedua dari kajian ini membincangkan persoalan "Penawaran" dan segala perkara yang berkaitan dengannya. Ianya meliputi perbincangan mengenai definisi "penawaran", komunikasi penawaran, kedudukan tawaran-balas dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Dalam fasal yang ketiga pula penulis membincangkan persoalan "Penerimaan" dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ini termasuklah mengenai definisi "penerimaan", syarat-syarat penerimaan, komunikasi

penerimaan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Manakala di dalam fasal yang keempat pula penulis akan membincangkan persoalan "Pembatalan tawaran dan Penerimaan". Ianya meliputi perbincangan mengenai perkara-perkara yang menyebabkan sesuatu tawaran itu dikira berakhir dan juga mengenai pembatalan penerimaan. Di bahagian akhir dari fasal ini juga penulis akan mengemukakan beberapa pandangan, penilaian dan komentar dari diri penulis sebagai rumusan terhadap kajian yang telah dilakukan.